

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UniMAP**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PAMERAN KESENIAN SEMPENA 40**  
**TAHUN HUBUNGAN MALAYSIA-CHINA**  
**22 APRIL 2014**  
**PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA, UNIVERSITI**  
**MALAYSIA PERLIS**

Bismillahirrahmanirrahim

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Tuanku Canselor UniMAP serta Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Pro-Canselor UniMAP.

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis menyembah takzim, merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Tuanku berdua bercemar duli berangkat dan menyerikan **MAJLIS PERASMIAN PAMERAN KESENIAN SEMPENA 40 TAHUN HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA-CHINA** pada hari ini.

Syukur ke hadhrat Allah kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat bersama-sama meraikan Majlis Perasmian Pameran Kesenian Sempena Sambutan 40 Tahun Hubungan Malaysia dan China. Kita juga merasa amat bertuah dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis dan juga Tuanku Canselor UniMAP buat kesekian kalinya. Sesungguhnya, patik mewakili sekalian warga Universiti Malaysia Perlis amat terharu dengan sokongan padu Duli Yang Teramat Mulia Tuanku bagi memastikan UniMAP berkembang dalam pelbagai aspek kecemerlangan.

Ampun Tuanku, sembah Patik Mohon Diampun, Patik mohon untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin sekalian. Ampun Tuanku.

Saudara Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Datuk Vincent Sim, Pengerusi Art Expo Malaysia dan Yang Berbahagia Datin

Dif-Dif Kehormat

Ketua-Ketua Jabatan Negeri Perlis

Pegawai Utama UniMAP

Dekan dan Ketua Jabatan

Para pelukis dari Malaysia dan China

Wakil-wakil Media

dan hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Ilmu Keikhlasan dan Kecemerlangan UniMAP

1. Penganjuran Pameran Kesenian Sempena Sambutan 40 Tahun Hubungan Malaysia-China telah dicetuskan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Canselor semenjak tahun 2013. Gerak kerja yang disumbangkan oleh Yayasan Tuanku Syed Putra, Persatuan Persahabatan Malaysia-China, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Teknologi MARA Cawangan Arau dan Perpustakaan Negara Malaysia Cawangan Perlis membolehkan program pameran ini dilaksanakan.

2. Kita juga amat bertuah kerana para karyawan daripada Negara Malaysia dan China berada bersama kita pada hari ini. Sebentar lagi, kita akan menyaksikan karya seni berbentuk lukisan dan arca indah dipamerkan buat pertama kalinya untuk tatapan rakyat Perlis.
3. Kita semua sedia maklum bahawa China kini muncul sebagai kuasa baru bukan sahaja dalam bidang ekonomi malahan penghasilan penyelidikan berimpak. Kajian oleh the *Royal Society* mengetengahkan kapasiti Negara China sebagai kuasa baru penerbitan saintifik dunia dan memberi gambaran terhadap penguasaan negara berkenaan dalam bidang sains dan teknologi. Kajian sama telah menunjukkan bahawa China kini muncul sebagai negara kedua penyumbang terbesar penerbitan saintifik dalam Bahasa Inggeris selepas Amerika Syarikat. Unjuran juga menunjukkan selepas tahun 2020, China akan mendahului semua negara dunia dalam bidang saintifik. Malaysia kini perlu meningkatkan keupayaan untuk meluaskan kerja sama dalam penyelidikan saintifik dengan institusi pengajian tinggi di negara berkenaan.
4. Dalam konteks ini, UniMAP telah melebarkan jaringan kerja sama dengan beberapa institusi terkemuka di China melalui *Asian University Presidents Forum* atau AUPF. Tahun ini, kolaborasi pengajian tinggi dan pembangunan mahasiswa dengan institusi pengajian tinggi di China dapat dilebarkan melalui penganjuran *Asian Summer Program* dan *World University Woodball Championship*.

Hadhirin dan hadhirat sekalian,

5. Senario ini membayangkan kekuatan impak hubungan Malaysia dan China dalam aspek pendidikan, penyelidikan dan inovasi selain perdagangan dan industri. Hubungan diplomatik yang telah berlangsung selama 40 tahun dan merentasi lima kepimpinan perdana

negara ini perlu dibajai dalam pelbagai aspek meliputi kebudayaan dan kesenian.

6. Bagi UniMAP, pencapaian universiti ini tidak terhad kepada peranan asas universiti iaitu dalam bidang pengajaran dan penyelidikan semata-mata. Untuk menjadi universiti bertaraf dunia, UniMAP perlu memantapkan sumbangan dan penglibatan dalam aspek *third mission* yang meraikan kelainan budaya serta memelihara budaya masyarakat. Penganjuran program seumpama ini merupakan sebahagian daripada projek *third mission* bagi Universiti Malaysia Perlis. Ia juga merupakan sebahagian daripada kriteria dan indikator yang digunakan dalam sistem penarafan universiti bertaraf dunia.
7. Bercakap mengenainya, sukacita diumumkan bahawa UniMAP telah diiktiraf dengan pencapaian tiga bintang bagi program pemeringkatan *QS Stars*. Ini sekali lagi mencatatkan sejarah penting kepada UniMAP yang muncul sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam pertama di Malaysia yang diiktiraf dengan pencapaian *QS Stars*. Sesungguhnya, UniMAP memandang serius terhadap hasil audit *QS Stars* dan menjadikannya fokus kepada penambahbaikan berterusan pada masa hadapan. Semoga ianya juga menjadi titik tolak kepada kejayaan UniMAP yang lebih membanggakan di masa akan datang.

Insyallah.

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata patik mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi ke bawah Duli Tuanku berdua kerana sudi mencemar

duli berangkat ke majlis ini. Patik juga merakamkan penghargaan kepada semua tetamu yang turut memeriahkan majlis ini dan terima kasih kepada semua pihak yang membantu membuat persiapan untuk menjayakan majlis ini.

Sekian, Wabillah Hitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.